

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]**

**TARIKH : 27.3.2018 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Abd Rahim Bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapakah sehingga kini bangunan SMK Kanibongan Pitas belum siap sepenuhnya. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi kelewatan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pembangunan SMK Kanibongan Pitas mengalami kelewatan disebabkan faktor-faktor berikut:

- i. kekurangan bekalan bahan pembinaan di tapak binaan;
- ii. bahan-bahan sistem IBS yang lewat tiba di tapak binaan;
- iii. hujan lebat dan banjir (cuaca buruk);
- iv. kekurangan bilangan pekerja mahir (*crane operator*) pekerja binaan di tapak dan
- v. kelewatan disebabkan menunggu kelulusan Arahan Perubahan Kerja.

Bagi mengatasi faktor-faktor kelewatan tersebut, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengadakan pemantauan yang kerap

bersama-sama dengan pihak Perunding, Kontraktor serta Agensi Kerajaan yang terlibat. Selain daripada itu, pelbagai inisiatif juga dilaksanakan antaranya ialah memberikan pertimbangan sewajarnya terhadap permohonan lanjutan masa untuk projek ini serta melakukan mesyuarat dan lawatan pemantauan secara konsisten (mingguan) di tapak binaan projek.

RJM71